

# Syor potong RM1 sebulan bantu pesakit kronik

BH 13 OCT 2002

Oleh ROSNIZA MOHD TAHA

KUALA LUMPUR: Kesatuan. Sekerja Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPMM) mencadangkan agar kerajaan mewajibkan semua kakitangan awam menyumbang RM1 sebulan untuk tabung pesakit kronik menerusi potongan gaji.

Pengerusinya, Azhari Haron, berkata jika langkah itu dikuatkuasakan terhadap kira-kira sejuta kakitangan awam ketika ini, tabung itu mempunyai RM12 juta setahun untuk membiayai rawatan perubatan kakitangan awam yang menghidap penyakit kronik.

Beliau berkata, tabung itu perlu diselenggarakan oleh agensi kerajaan bagi memastikan sumbangan berkenaan disalurkan kepada mereka yang layak saja.

"Saya yakin kakitangan awam tidak akan keberatan menerima cadangan ini yang membolehkan mereka berbakti kepada golongan kurang bernasib baik dengan hanya RM12 setahun.

"Saya pasti ramai pesakit kritikal yang kurang berkemampuan dapat dibantu dengan dana berkenaan. Potongan gaji adalah cara terbaik memastikan langkah ini berjaya dan mereka yang ingin menghulur lebih, boleh menyumbang terus kepada penyelaras tabung itu nanti," katanya kepada pemberita sebelum mempekerusikan Mesyuarat Agung Luar Biasa ke-23 LPMM, di sini, semalam.

Hadir sama untuk merasmikan mesyuarat itu ialah Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Siva Subramaniam.

Azhari berkata cadangan itu adalah salah satu resolusi yang akan ditetapkan dalam mesyuarat berkenaan sebelum dihantar kepada Cuepacs untuk dikemukakan kepada kerajaan.

Sementara itu, Siva berkata, pertubuhan itu menyokong penuh pelaksanaan skim insurans kesihatan bagi meringankan beban perbelanjaan perkhidmatan kesihatan kerajaan kepada rakyat dan berharap ia akan diuruskan dengan amanah tanpa sebarang penyelewengan.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata, Malaysia sedang mengkaji model insurans kesihatan yang digunakan di beberapa negara lain sebagai contoh kepada skim insurans kesihatan yang akan diperkenalkan kerajaan.

Beliau berkata, kos rawatan dan ubat yang tinggi mendorong kerajaan memperkenalkan skim itu.

Terdahulu, ketika berucap, Siva berkata Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam masa terdekat bagi membincangkan mengenai Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 1 November ini.

Beliau berkata pihaknya sedang mengumpulkan memorandum kesatuan sekerja pelbagai agensi kerajaan

mengenai penerimaan mereka terhadap SSM.

"Saya telah meminta semua kesatuan sekerja mengadakan mesyuarat luar biasa bagi membincangkan isu SSM mulai minggu ini.

"Setakat ini, dialog yang diadakan bersama beberapa kesatuan sekerja mendapati penerimaan mereka adalah positif tetapi ada juga yang mempertikaikan beberapa aspek pelaksanaan sistem baru itu.

"Kita memandang positif pengenalan SSM, namun, seperti sistem lain, ia juga ada kelemahan yang boleh dibaiki dari semasa ke semasa," katanya.

Sebelum ini, Cuepacs dilaporkan menerima pelaksanaan SSM menggantikan SSB dan mengemukakan empat lagi tuntutan untuk pertimbangan kerajaan.

Tuntutan itu ialah meminta kerajaan menambah tawaran mata gaji RM15 kepada kadar yang berpatutan untuk diberikan kepada kira-kira 600,000 kakitangan Kumpulan Sokongan.

Cuepacs juga meminta kerajaan supaya gred lantikan "Kumpulan Sokongan diberi dua lapis gaji seperti dinikmati kakitangan kerajaan dalam gred kenaikan pangkat.

Selain itu, mereka juga mahu pemeriksaan penilaian tahap kecakapan untuk kumpulan rendah dipermudahkan dan tidak membebankan kakitangan terbabit kerana tidak ada modul untuknya.